



SIARAN MEDIA **KEMENTERIAN, SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

MALAYSIA MERANGKUL DUA ANUGERAH PENCAPAIAN DALAM SAINS DAN TEKNOLOGI NUKLEAR DI VIENNA, AUSTRIA

VIENNA, 26 SEPTEMBER 2022 - Sempena ulang tahun ke-50 Perjanjian Kerjasama Serantau (RCA), **Majlis Anugerah Pencapaian RCA** dalam bidang sains dan teknologi nuklear julung kali diadakan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua negara anggota, organisasi dan individu atas penyertaan aktif, pencapaian serta komitmen yang kukuh dalam semua Program RCA.

Pada majlis anugerah yang berlangsung di Vienna, Austria, Malaysia telah merangkul dua anugerah iaitu **Anugerah Kerjasama Serantau RCA** bagi kategori institusi dan **Anugerah Projek RCA** bagi kategori individu.

MOSTI menerusi Agensi Nuklear Malaysia telah menerima **Anugerah Kerjasama Serantau RCA** kategori institusi berikutan penglibatan aktif melibatkan kerjasama dalam **141** projek RCA, menganjurkan lebih daripada **68** aktiviti RCA yang memberi manfaat kepada lebih daripada **1,200** personel di rantau ini serta menyediakan **41** pakar teknikal kepada RCA. Sebagai Penyelaras Utama bagi beberapa projek RCA sejak tahun 2000, Agensi Nuklear Malaysia telah menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi nuklear di rantau ini dengan menyediakan perkhidmatan perundingan dan analisis bahan dan sumber.

Sementara itu, bagi **Anugerah Projek RCA** di bawah kategori individu pula, penerima anugerah ini adalah Dr. Ilham Mukhriz Zainal Abidin yang merupakan pegawai penyelidik kanan di Agensi Nuklear Malaysia.

Dr. Ilham Mukhriz Zainal Abidin terlibat secara aktif dengan projek RCA dalam bidang teknik ujian tanpa musnah (NDT) sejak tahun 2012 dan menyumbang kepada promosi aplikasi NDT untuk struktur kejuruteraan awam dan perindustrian. Beliau juga turut menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Penyelaras Negara bagi projek NDT sejak tahun 2018 bagi mendepani permasalahan yang telah dikenal pasti oleh negara-

negara anggota RCA dalam usaha mengukuhkan keupayaan NDT di rantau Asia dan Pasifik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Malaysia menerima dua anugerah ini pada Majlis Anugerah Pencapaian RCA sewaktu hadir di Persidangan Menteri-Menteri RCA di Ibu Pejabat IAEA, Vienna, Austria.

Mesyuarat Peringkat Menteri RCA ini juga diadakan buat julung kalinya bagi memberi peluang kepada negara anggota RCA untuk memperbaharui komitmen, sokongan dan dedikasi berterusan kepada program RCA di rantau Asia dan Pasifik.

RCA merupakan perjanjian kerjasama bagi penyelidikan, pembangunan dan latihan dalam bidang sains dan teknologi nuklear sejak tahun 1972 di bawah naungan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

RCA terdiri daripada 22 buah negara anggota iaitu Australia, Bangladesh, China, Fiji, Filipina, India, Indonesia, Jepun, Kemboja, Laos, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, New Zealand, Pakistan, Palau, Republik Korea, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Vietnam. Malaysia telah menjadi negara anggota RCA sejak tahun 1975 melalui Agensi Nuklear Malaysia di bawah MOSTI.

Sejak 50 tahun yang lalu, RCA telah menyumbang kepada rantau Asia Pasifik termasuk Malaysia dengan pemindahan teknologi nuklear canggih di pelbagai sektor, mencapai nilai sosial dan ekonomi yang ketara dan mencapai kualiti dan persekitaran hidup yang lebih baik. Kejayaan ini sememangnya hasil gabungan usaha pelbagai pihak berkepentingan negara, serantau dan antarabangsa.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

26 SEPTEMBER 2022